


# SEKILAS INFO

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI & RISIKO



## BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK 2026-2030 UNIMAS SIRI 1

Pada 8 dan 9 Julai 2025, Bengkel Pembangunan Pelan Strategik 2026-2030 UNIMAS Siri 1 telah diadakan di Hilton Hotel, Kuching. Bengkel ini dianjurkan oleh Pejabat Naib Canselor melalui Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko (SQRC) dan Bahagian Komunikasi Korporat (UCC) dan telah menghimpunkan Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari, ahli-ahli JKE serta Dekan-Dekan Fakulti bagi tujuan perbincangan awal penetapan perancangan hala tuju UNIMAS bagi tahun 2026-2030.



Antara objektif utama bengkel adalah untuk melaksanakan *futures thinking* dan *strategic foresight* melalui pendekatan seperti *Futures Wheel* dan *Scenario Planning* bagi membentuk kerangka Pelan Strategik UNIMAS 2026-2030. Bengkel ini menjadi permulaan kepada penyediaan pelan strategik yang inklusif dan berimpak tinggi, sejajar dengan aspirasi UNIMAS untuk muncul sebagai universiti progresif dan lestari menjelang 2030.



## SESI LAWATAN PENANDA ARAS METEOR GROUP KE UNIMAS

UNIMAS telah menerima kunjungan hormat daripada METEOR Group dalam satu sesi lawatan penanda aras yang berlangsung pada 17 Julai 2025. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau amalan terbaik dalam aspek integriti, pengurusan risiko dan tadbir urus. Delegasi METEOR Group diwakili oleh En. Suhaimi bin Jamaludin, Ketua Bahagian Risiko, Integriti, Pematuhan dan Audit bersama beberapa pegawai kanan yang lain manakala pihak UNIMAS pula disertai oleh SQRC, Bahagian Integriti, Pejabat Audit Dalam, Bahagian Jaminan dan Kualiti Akademik serta Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Sepanjang sesi ini, beberapa pembentangan dan perbincangan telah diadakan, termasuk perkongsian amalan terbaik oleh pihak UNIMAS serta sesi soal jawab yang membina. Lawatan ini juga mengeratkan hubungan antara kedua-dua pihak dan membuka ruang kepada perkongsian ilmu yang bermanfaat.

## BENGKEL PELAN STRATEGIK UNIMAS 2025: RISK MANAGEMENT IN RESEARCH & INNOVATION

Pada 23 Julai 2025, Bengkel Pelan Strategik UNIMAS 2025: Risk Management in Research & Innovation telah diadakan anjuran RDICE dengan kerjasama SQRC sebagai usaha menyokong perancangan strategik universiti ke arah tadbir urus penyelidikan yang mampan dan berintegriti. Bengkel ini memberi tumpuan kepada aspek pengurusan risiko secara holistik dalam konteks penyelidikan dan inovasi. SQRC telah berkongsi pendekatan, rangka kerja dan amalan terbaik dalam pengurusan risiko strategik, selari dengan prinsip governans universiti dan nilai akauntabiliti. Pengajuran bengkel ini diharap dapat memacu pengukuhan struktur tadbir urus penyelidikan UNIMAS, di samping membina budaya penyelidikan yang lebih berdaya tahan, telus dan berintegriti tinggi. Usaha ini mencerminkan komitmen UNIMAS dalam memastikan kelestarian dan kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan inovasi.






**Strategy Quality Risk Centre**

## PROGRAM SQRC JULAI 2025

Bil.	Perkara	Tarikh
1.	Mesyuarat Penyelarasan Lawatan Penanda Aras METEOR Group Ke UNIMAS	7 Julai 2025
2.	Bengkel Pembangunan Pelan Strategik 2026-2030 UNIMAS Siri 1	8 - 9 Julai 2025
3.	Sesi Lawatan Penanda Aras METEOR Group Ke UNIMAS	17 Julai 2025
4.	Audit Dalaman QMS	14 - 31 Julai 2025
5.	Bengkel Pelan Strategik UNIMAS 2025: <i>Risk Management in Research &amp; Innovation</i> (anjuran: RDICE)	23 Julai 2025
6.	<i>Opening Meeting: QMS Internal Audit</i>	25 Julai 2025
7.	Mesyuarat JKK ISMS Bil. 02/2025	25 Julai 2025
8.	Audit Dalaman ISMS	28 Julai 2025 - 1 Ogos 2025
9.	Sesi Libat Urus Strategik SQRC bersama Pemilik SF (TNC PI)	31 Julai 2025



Semoga dikurniakan kesihatan, dimurahkan rezki, Happy selalu dan diper mudahkan segala urusan

## PENGURUSAN & PENTADBIRAN

**Pengarah**, Prof Gs. Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Helen Tan Sui Hong & Ir. Dr Marini Sawawi | **Ketua Penolong Pendaftar**, Puan Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Tadbir**, Puan Nur Shereen Ezaty Mohamed Fauzi | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

eISSN 2948-5088



STRATEGIC PLANNING, QUALITY & RISK MANAGEMENT CENTRE

**Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko**  
**Universiti Malaysia Sarawak**  
**Aras 3, Canselor**  
**94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia**  
<http://www.sqrc.unimas.my/>